

LIVE THE DIFFERENCE

JIDIL 1, 2016

SEMUA-KEBAIKAN
TIADA-KEBURUKAN

15





08



10



14

KANDUNGAN



08

04 KISAH BERTEMA

Semua-Kebaikan, Tiada-Keburukan

06 INDIVIDU

Formula Kejayaan

08 PRODUK PENJAGAAN KULIT:

Nutrisi Harian Untuk Kulit

PENJAGAAN KESIHATAN:

Nutrisi Asas –

Cara TERBAIK Melawan Radikal JAHAT

12 BUDAYA

Suatu Daya Kebaikan

14 PELUANG

Snapshots

Nu Skin (Malaysia) Sdn Bhd (402787-V)
License No. AJL 931384
Lot 01-05, Level 1, PNB Darby Park Retail
10 Jalan Binjai, 50450 Kuala Lumpur
Tel: 603 2170 7888 Fax: 603 2170 7999
www.nuskin.com.my



نوسکین فوٹونیکس (بی) سنڊیزین برحد

NuSkin Pharmanex (B) Sdn Bhd
D2, Blk D, Lot 11620, Jalan Gadong
Bandar Seri Begawan BE1718
Brunei Darussalam
Tel: 673 2 422 225 Fax: 673 2 422 226
www.nuskin.com.bn

SEMUA-KEBAIKAN TIADA-KEBURUKAN

Apabila sesebuah syarikat menyambut ulangtahunnya yang ke 15, ia boleh berbangga dengan kematangannya. Bagaimanapun, bagi sebuah syarikat anti-penuaan yang berusia 15 tahun, Nu Skin Malaysia menyambut kejayaan ini dengan mengungkap sejarah inovasinya!

Tidak mudah untuk mencapai inovasi yang berterusan, dan inilah yang menjadikan Nu Skin salah sebuah daripada Syarikat Jualan Langsung terkemuka dunia.

Pada tahun 1984, satu idea yang revolusi telah terbentuk. Satu idea dalam skop yang mudah tetapi berupaya memberi kesan kepada kehidupan di seluruh pelusuk dunia.

Berbekalkan semangat untuk menghasilkan produk-produk dan peluang yang membolehkan orang ramai memperbaiki kehidupan, para pengasas Nu Skin iaitu Blake Roney, Sandie Tillotson dan Steve Lund mahukan sebuah syarikat yang menjanjikan produk-produk berasaskan sains dan berkualiti tinggi tanpa perisian yang kasar dan membahayakan, selaras dengan falsafah perniagaan mereka “Semua-Kebaikan, Tiada-Keburukan”.

Sejak itu, Nu Skin telah menunjukkan pendekatan perniagaan tersendiri yang berbeza melalui konsep inovatifnya, produk penjagaan kulit premium dan berkualiti yang dihasilkan dengan bahan kandungan yang sehabis baik!

Bekerjasama dengan Pharmanex, Nu Skin berikrar untuk menghasil dan memasarkan produk pemakanan tambahan dan rangkaian produk anti-penuaan paling berkualiti dengan mematuhi Proses Kualiti 6S Nu Skin, menjadikan produk-produk Pharmanex suatu kejayaan kombinasi bahan-bahan semulajadi dan teknologi berinovatif.

Sekiranya inovasi adalah otot Nu Skin, iaitu budaya menyemai kebaikan yang kami junjung – misi kami untuk menjadi daya kebaikan di seluruh dunia pula adalah jantung dan sistem aliran darahnya!

Komited untuk membawa perubahan kepada beribu-ribu, jika tidak berjuta-juta kanak-kanak sehingga ke generasi akan datang dengan Nu Skin Force for Good Foundation, misi Nu Skin ini digambarkan melalui kemurahan hati dan kebaikan para Pemimpin Jualan, Pelanggan dan Pekerja di seluruh dunia.

Menyedari hakikat bahawa ramai pemimpin hebat mungkin terpaksa menangguhkan matlamat dan impian mereka kerana kekurangan modal pelaburan, manakala pengguna pula memerlukan khidmat perundingan profesional apabila mereka menggunakan produk-produk penjagaan diri dan kesihatan, para pengasas Nu Skin melihat Jualan Langsung sebagai platform terbaik untuk membantu kedua-dua pihak iaitu usahawan dan pelanggan dengan menyediakan platform terbaik ini.

Hari ini, Nu Skin dibezakan oleh keupayaannya untuk menunjukkan bahawa mereka benar-benar mempunyai individu, produk, budaya dan peluang yang terbaik di dalam industri jualan langsung, penjagaan kulit dan kesihatan. Sebagai sebuah syarikat anti-penuaan yang terunggul, Nu Skin telah membentuk syarikat ini menjadi sebuah perniagaan yang bernilai lebih daripada satu bilion dolar yang terus kekal berpegang teguh kepada nilai-nilai terasnya.



FORMULA KEJAYAAN

Berbekalkan IMPIAN untuk meninggalkan satu legasi di dunia dan KEPERCAYAAN yang kukuh bahawa mereka mampu mengubah kehidupan, para pengasas Nu Skin telah membangunkan sebuah syarikat dengan misi untuk membolehkan seorang individu memperbaiki kehidupan individu yang lain melalui peluang perniagaan yang menguntungkan, rangkaian produk berinovatif dan memperkaya serta mendukung budaya murni, yang menjadi teras kepada sebuah perniagaan yang melangkaui 54 pasaran di seluruh dunia pada hari ini.

Nu Skin Enterprises, yang pada hari ini dikenali sebagai salah sebuah syarikat Jualan Langsung Antarabangsa yang terkemuka telah bermula secara kecil-kecilan. Pada tahun 1984, Blake Roney, seorang graduan undang-undang dari Universiti Brigham Young telah diyakinkan oleh kakak beliau untuk mencari kaedah bagaimana untuk mengubah produk penjagaan diri tradisional yang dipenuhi dengan bahan tercemar, kasar dan merbahaya, dan MENETAPKAN MATLAMAT untuk mengeluarkan produk penjagaan diri yang unik tanpa sebarang kandungan yang merbahaya dan selamat untuk digunakan.

Bersama-sama dengan seorang lagi graduan muda, Sandie Tillotson dan seorang peguam yang menguruskan firma guamannya sendiri, Steve Lund, trio ini telah MEMBUAT KEPUTUSAN untuk menubuhkan sebuah syarikat yang mengeluarkan produk yang mengandungi hanya "Semua-Kebaikan, Tiada-Keburukan".

Ianya adalah suatu idea di dalam skop yang mudah, namun berupaya untuk memberi kesan kepada kehidupan di seluruh pelusuk dunia. Para pengasas tersebut mahukan sebuah syarikat yang menjanjikan produk penjagaan diri berasaskan sains, berkualiti tinggi tanpa mengandungi bahan yang kasar dan membahayakan.

Kumpulan pertama produk Nu Skin telah dihantar ke rumah pengasas syarikat di dalam bekas 10 gelen, sekaligus menukarkan rumah tersebut kepada sebuah gudang pembungkusan di mana para pengasas sendiri telah mengisi produk tersebut ke dalam botol dan melekatkan label.

Sepertimana pada hari ini di dalam dunia MLM, perniagaan melalui hebahan mulut ini mula berkembang MENYEBABKAN lebih ramai orang mendapati produk Nu Skin berbeza dari yang lain dan peluang perniagaannya juga unik.

Produk pertama Nu Skin menjadi sangat popular sehingga ianya kehabisan stok dalam tempoh beberapa jam! Orang ramai sangat menyukai produk tersebut sehinggakan mereka membawa botol dan bekas mereka sendiri untuk mengisi produk dengan formula unik tersebut menggunakan sudu biasa. Bermula dari situlah, sudu telah menjadi peringatan berkekalan bahawa kuasa untuk menukar kehidupan selalunya bermula dengan langkah pertama yang kecil dan mudah.



“Ke mana sahaja kami pergi, kami menjadi tarikan kepada orang ramai yang komited untuk menghasilkan sesuatu yang bernilai dan mencapai impian mereka. Kami lihat ini di setiap negara – ramai yang bangkit, menjadi daya kebaikan.” – Blake Roney

“Misi kami untuk membolehkan individu memperbaiki kehidupan yang lain dan menjadi contoh dalam kehidupan mereka. Ahli keluarga Nu Skin adalah sebahagian daripada daya untuk kebaikan yang luar biasa dimana mereka membina perniagaan, mencipta kehidupan yang lebih baik untuk mereka dan keluarga mereka, dan menyedari bahawa bakat dan kebolehan mereka adalah tidak terbatas.” – Sandie Tillotson

“Keluarga Nu Skin terdiri daripada merela yang terhebat di dunia! Dari segi nilai, kemahiran dan komitmen untuk menolong yang lain. Ianya terbukti bahawa kekuatan syarikat ini terletak pada ahli keluarganya.” – Steve Lund

NUTRISI HARIAN UNTUK KULIT

Bila berbicara tentang penjagaan diri, ramai yang memilih untuk mengamalkan pemakanan sihat. Kita memilih diet seimbang yang merangkumi makanan dan pemakanan tambahan yang kaya antioksidan dan mengandungi pelbagai vitamin untuk kekal sihat. Namun begitu, tahukah anda bahawa kulit juga memerlukan nutrisi daripada produk penjagaan diri yang anda gunakan setiap hari?

Walaupun kita prihatin terhadap nutrisi yang diperlukan oleh tubuh, adakalanya kita mungkin terlepas pandang terhadap keperluan nutrisi kulit, malahan kita meletakkan fokus terhadap manfaat lain yang mampu diberikan oleh produk penjagaan diri tersebut.

Kulit, yang merupakan organ terbesar tubuh, memerlukan penjagaan rapi kerana ianya sentiasa terdedah kepada persekitaran yang tercemar serta perubahan suhu yang mendadak yang berlaku setiap hari. Hasil gabungan rangkaian produk berinovatif bersama kandungan bahan yang berteraskan 'Semua-Kebaikan, Tiada-Keburukan', Nu Skin telah menghasilkan rangkaian produk penjagaan diri yang tidak mengandungi sebarang bahan berbahaya.

Salah satu produk terawal Nu Skin iaitu Nutricentials™ membantu memastikan kulit menerima nutrisi yang diperlukan dalam perjalanan anda meniti usia. Nutricentials™ adalah produk penjagaan kulit yang menggunakan asid buah-buahan asli dan diperolehi daripada sumber makanan yang terpilih, diformulasikan secara saintifik untuk menjadikan kulit kelihatan sihat secara semulajadi.



Dengan menggabungkan pelbagai jenis nutrien yang berkhasiat tinggi, semulajadi dan asli, Nutricentials™ berupaya menjadikan kulit anda sihat dan kelihatan berseri!

- Ekstrak Strawberi: bahan utama di dalam penyegar Nu Skin pH Balance Toner yang kaya dengan polyphenols—antioksidan berkuasa tinggi yang mampu menenangkan kulit serta mengecilkan saiz liang roma.
- Lipid phosphatidylcholine berpaten: bahan unik kekacang soya yang mampu mengekalkan fleksibiliti dan daya tahan membran sel kulit.
- Papain: sejenis enzim buah betik (papaya) yang berkesan menguraikan kotoran tersumbat di liang roma.
- Mugwort, likoris dan ekstrak alga: mampu memberi kelegaan dan menenangkan kulit.

Dengan mengikuti cadangan penggunaan regimen penjagaan kulit harian – membersihkan, menyegar, menyubur, melindungi dan melembap – kulit akan mengalami kesan maksimum yang ditawarkan oleh produk Nu Skin Nutricentials™, iaitu perlindungan di peringkat selular dan membantu memperbaiki dan menghindari kerosakan sel. Rangkaian produk Nutricentials™ sesuai untuk semua jenis kulit, termasuklah jenis kulit normal hingga kering atau kombinasi hingga berminyak. Dengan Nutricentials™, mengekalkan keremajaan bukan lagi suatu impian.

Namun begitu, apabila seseorang sedang meniti usia kematangan, beliau pasti mula mencari pelbagai kaedah untuk menghapuskan tanda-tanda penuaan yang mula menjelma. Pakar kulit juga menasihatkan agar suatu siri produk penjagaan kulit harian anti-penuaan perlu digunakan sebelum usia mencecah ke angka 30.

Nu Skin 180° Skin Therapy System mengandungi bahan-bahan bernutrisi yang terbukti secara klinikal mampu menghaluskan tekstur kulit, menjadikan tona kulit lebih sekata, dan menghapuskan garis halus penuaan dan kedutan bagi menghasilkan penampilan kulit yang kelihatan lebih muda. Dengan siri anti-penuaan Nu Skin, usia adalah sekadar angka!

Nu Skin 180° Skin Therapy System mengandungi bahan utama nutrien yang lembut namun berkuasa untuk mengembalikan keremajaan kulit anda!

- Vitamin C: komponen penting dalam penghasilan kolagen yang membantu menghilangkan garis halus dan kedutan, serta menegangkan kulit. Ianya juga menjadikan tona kulit lebih sekata dengan cara mengurangkan kesan pemudaran kulit akibat penuaan.
- Minyak bijan dan kacang soya: emolien yang kaya dengan lembapan, berupaya menghalang kekeringan kulit dan membantu mengekalkan kadar kelembapan kulit.
- Biji anggur, daun ginkgo biloba, dan ekstrak ginseng: mengurangkan kesan kerosakan kulit akibat radikal bebas.

Walaupun faktor genetik dan gaya hidup memainkan peranan yang besar di dalam menentukan tahap kesihatan kulit, penggunaan produk yang bertepatan dengan keperluan kulit juga membantu menyerlahkan kecantikan kulit semulajadi yang anda miliki. Dengan Nu Skin Nutricentials™ dan 180° Skin Therapy System, anda kini mampu memberikan nutrisi yang terbaik buat kulit anda setiap hari, manfaat dari luar ke dalam!



NUTRISI ASAS – CARA TERBAIK MELAWAN RADIKAL JAHAT

Penuaan tidak dapat dielakkan. Semasa remaja, proses pertumbuhan usia yang berlaku dipanggil tumbesaran. Namun begitu, apabila mencapai ke usia 30an, anda akan dapati orang di sekeliling mula menggantikan ‘tumbesaran’ kepada ‘penuaan’!

Faktor luaran seperti sinaran suria, pencemaran dan persekitaran yang ganas boleh mengakibatkan penuaan pra-matang, terutama sekali pada kulit. Bukan itu sahaja, faktor dalaman seperti penghasilan kolagen dan faktor keturunan turut memainkan peranan dalam menentukan cepat atau perlambatnya proses penuaan berlaku di dalam tubuh kita!

Di dunia kita hari ini, kita sering mendengar akan terma “Radikal Bebas” diperkatakan ketika berbicara tentang topik sains dan penjagaan kesihatan di dalam kehidupan seharian. Dalam istilah biasa, radikal bebas adalah sejenis molekul tidak stabil dan merbahaya, yang mencuri elektron daripada molekul lain, dan membinasakan sel-sel sihat di dalam tubuh.

Oleh itu, jika terdapat kandungan radikal bebas yang berlebihan di dalam tubuh, ianya akan menyebabkan tekanan oksidatif yang tinggi, mengakibatkan kerosakan pada sel

dan mempercepatkan proses penuaan! Janganlah anda khuatir. Dengan jumlah antioksidan yang mencukupi, anda pasti mempunyai sistem pertahanan yang kukuh untuk mencegah radikal bebas daripada merosakkan tubuh anda!

Antioksidan merupakan kumpulan sebatian yang dihasilkan secara semulajadi oleh tubuh dan terdapat juga secara semulajadi di dalam pelbagai makanan. Antioksidan mendermakan elektron kepada radikal bebas bagi menstabilkannya, mengurangkan kesan kerosakan akibat tekanan oksidatif yang menyebabkan sel-sel dan tisu-tisu¹ tercedera.

ANTIOKSIDAN YANG KUAT DI DALAM LIFEPAK DAN g3

Vitamin C, Vitamin E dan beta-karotena adalah antioksidan yang kuat yang boleh didapati di dalam pelbagai jenis makanan.

- Vitamin C: sejenis vitamin larut air yang terdapat di dalam buah-buahan sitrus dan jus, lada hijau, kobis, bayam, brokoli, kale, melon kuning, kiwi dan strawberi.
- Vitamin E: sejenis vitamin larut lemak yang biasa didapati di dalam kekacang, bijian, sayur-sayuran dan minyak ikan, bijirin penuh, bijirin diperkaya, dan aprikot.
- Beta-karotena: merupakan pelopor kepada vitamin A atau dikenali juga sebagai retinol yang terdapat di dalam hati, kuning telur, susu, mentega, bayam, lobak merah, skuasy, brokoli, keladi, tomato, melon kuning, buah pic dan bijirin.

Adalah disarankan agar kita mengambil sekurang-kurangnya 12 – 15IU Vitamin E, dan 60mg Vitamin C sehari². Bagi memastikan tubuh anda memperoleh jumlah antioksidan yang mencukupi bagi fungsi fizikal yang efisien, LifePak dan g3 adalah penyelesaiannya!

SATU LIFEPAK SATU HARI!



Salah satu daripada produk utama Nu Skin Malaysia, LifePak merupakan produk nutrisi asas yang membekalkan pelbagai antioksidan, melebihi 40 jenis kesemuanya bagi manfaat yang optimum*. Ianya mengandungi jumlah dos antioksidan yang signifikan, pelbagai vitamin, kofaktor mineral, campuran karotenoid spectrum meluas, lebih daripada 20 jenis flavonoid, dan antioksidan hasil kecanggihan saintifik seperti alpha-lipoic acid!

g3-YANG ENAK!



Nu Skin g3 adalah pekatan jus buah-buahan kaya nutrisi yang mengandungi 4 jenis buah-buahan hebat. Salah satunya adalah buah Gac yang sangat kaya dengan kandungan antioksidan, vitamin, dan pelbagai jenis karotenoid! Merupakan 100% pekatan jus asli dan lebih tinggi kandungan karotenoid berbanding buah-buahan dan sayur-sayuran biasa, jus buah-buahan hebat ini mempunyai warna jingga kemerahan yang menunjukkan kandungan lipokarotena yang amat tinggi. Ini membolehkan daya serapan dan pengangkutan nutrien karotenoid berlaku secara efisien dan kandungan antioksidan yang diperkuatkan juga menjadi pertahanan terhadap serangan radikal bebas yang merosakkan sel!

Bapa Antioksidan, Dr. Lester Packer pernah berkata: “Terdapat bukti saintifik yang jelas dan nyata bahawa mereka yang mengamalkan diet yang kaya dengan antioksidan dan mengambil makanan tambahan mengandungi antioksidan, akan hidup lebih sihat, lebih lama³.”

Oleh itu, untuk hidup lebih sihat, lebih lama, mulakanlah hari ini dengan menggandakan jumlah antioksidan yang diperlukan oleh tubuh untuk melawan serangan radikal bebas!

RUJUKAN:

- ¹ Packer, L., & Colman, C. (1999). *The antioxidant miracle: your complete plan for total health and healing*. Wiley: p256
- ² FOOD, F., & Board, N. (1989). *National Research Council, Recommended dietary allowances 10th ed.*
- ³ Packer, L., & Colman, C. (1999). *The antioxidant miracle: your complete plan for total health and healing*. Wiley: P8
- ⁴ *Antioxidants and Free radicals*. (n.d.). Retrieved March 21, 2016, from <http://www.rice.edu/~jenky/sports/antiox.html>

SUATU DAYA KEBAIKAN

Nu Skin Enterprises terbina berlandaskan kepada empat teras utama -Individu, Produk, Budaya dan Peluang. Bertahun lamanya, kami telah menyaksikan banyak transformasi yang berlaku di kalangan ahlinya, membawa perubahan terhadap kesihatan dan kesejahteraan ahli keluarganya; pembangunan inovatif ke atas rangkaian produknya, membenarkan ahli tersebut hidup lebih muda lebih lama; dan juga dengan peluang yang tersedia, memberikan harapan kepada mereka yang mengimpikan kehidupan yang lebih bermakna.

Namun begitu, apa yang membezakan Nu Skin dengan rakan sepejuangan di sekelilingnya adalah budaya unik yang sentiasa dipertahankan dan menjadi amalan setiap hari – dengan mendukung misi menjadi Daya Kebaikan bagi mengubah kehidupan, tersebar di kesemua 54 pasaran di seluruh dunia.

Di awal penubuhan semasa Nu Skin Enterprises pertama kali membuka pasarannya di Malaysia, ia telah bekerjasama dengan “P.S. The Children” yang menghulurkan bantuan kepada kanak-kanak. Ia merupakan sebuah organisasi tidak bermotifkan keuntungan, bukan kerajaan dan bukan keagamaan yang memberikan tumpuan kepada implementasi program dan perkhidmatan bagi mempromosi serta melindungi Hak kanak-kanak agar bebas dari penderaan dan eksploitasi.

Melalui usaha Daya Kebaikan, Nu Skin berterusan menjalankan misi FFG bagi memperbaiki kehidupan kanak-kanak dengan memberikan harapan agar mereka bebas daripada belenggu buta huruf. Bekerjasama dengan Komuniti New Covenant di Sentul, Nu Skin menghulurkan bantuan prasarana kepada sekolah Montessori yang menawarkan pembelajaran pra-sekolah kepada kanak-kanak bernasib malang di dalam komuniti.

Tidak seperti kanak-kanak normal yang berpeluang menikmati pendidikan asas di tadika, kanak-kanak di sekitar Sentul agak kurang bernasib baik. Dengan latarbelakangan keluarga yang susah, pendidikan awal sering tidak menjadi keutamaan. Malahan, masalah “tiada kenderaan” merupakan alasan yang paling kerap diberikan. Bertitik tolak daripada inilah, Nu Skin dan para pencedarnya telah menyumbangkan sebuah van bagi digunakan oleh pihak sekolah bertujuan untuk membawa kanak-kanak tersebut dari rumah ke sekolah.

Selain daripada itu, syarikat juga turut membantu mendirikan sebuah perpustakaan di pusat tersebut, memberikan kemudahan yang selesa bagi kanak-kanak dan remaja mentelaah dan mengulangkaji pelajaran selepas waktu persekolahan, yang diharapkan dapat memperbaiki prestasi mereka di sekolah. Sebagai tanda penghargaan, Pusat Komuniti New Covenant telah menamakan perpustakaan tersebut sebagai “Pusat Sumber Belia Epoch” bagi mengingati sumbangan dan sokongan yang telah diberikan oleh Nu Skin dan para pencedarnya.

Pada hari ini, pusat tersebut telah dipenuhi dengan kelengkapan yang serba sempurna, memberikan harapan kepada kanak-kanak untuk masa depan yang lebih bermakna. Bertepatan dengan nama barunya Yayasan Memartabatkan Kanak-Kanak, ianya membawa harapan untuk memusnahkan kitaran kemiskinan melalui pendidikan yang berkualiti dan holistik.





10 & 11 Mac 2016
Empire Hotel Subang



26 Mac 2016
Mines International Exhibition &
Convention Centre, Selangor



NU SKIN.
DISCOVER THE BEST YOU™

www.nuskin.com.my